

06 JAN 1997

Sungai-Kajian

PAHANG BINCANG MASALAH PENDUDUK DI TEPI SUNGAI MINGGU DEPAN

KUANTAN, 6 Jan (Bernama) -- Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa Pahang minggu depan dijangka membincangkan masalah penduduk termasuk masyarakat Orang Asli yang tinggal di sepanjang pesisiran sungai.

Pengerusi jawatankuasa berkenaan, Datuk Omar Othman hari ini berkata kerajaan negeri memberi perhatian serius kepada masalah sejumlah besar penduduk yang tinggal di sepanjang persisiran Sungai Pahang dari daerah Lipis hingga ke Pekan.

Beliau memberitahu Bernama di sini laporan terperinci mengenai kedudukan 10 penempatan Orang Asli yang dikenalpasti terdedah kepada ancaman bahaya hakisan tanah juga dijangka akan diserahkan pada mesyuarat berkenaan.

Beliau diminta mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kemungkinan memindahkan penduduk yang tinggal di tebing sungai ke kawasan selamat bagi mengelak sebarang kejadian buruk seperti banjir besar di daerah Keningau, Sabah baru-baru ini.

Katanya, sebagai contoh terdapat kira-kira 500 keluarga di Kampung Bukit Betong, Kampung Telang dan Kampung Kuala kechau dalam daerah Lipis yang sentiasa menghadapi masalah banjir kerana berdekatan dengan pesisiran sungai.

Omar berkata Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga telah mengenalpasti 10 kawasan penempatan yang diancam bahaya hakisan tanah, enam daripadanya terletak di pesisiran sungai iaitu Kampung Buntu di Raub, Pos Terisu (Cameron Highlands), Kampung Ulu Jempul (Maran), Kampung Sungai Tekal (Jerantut) dan Kampung Tual serta Kampung Harung (Lipis).

Empat lagi penempatan terletak di Cameron Highlands iaitu Kampung Sungai Ruil, Kampung Bharat, Kampung Jarik dan Kampung Terisu. Seramai 1,212 penduduk mendiami kesemua 10 penempatan itu.

Katanya berkata sebahagian daripada peruntukan RM130 juta untuk pembangunan Orang Asli pada Rancangan Malaysia Ketujuh akan digunakan sekiranya program penempatan semula Orang Asli itu dijalankan. -- BERNAMA

ROS WAT